


# **Usah leka dalam memulakan kehidupan di kampus**

UB 28/09/2011 B4



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

**SEKALUNG** tahniah diucapkan kepada semua para pelajar yang baharu sahaja bergelar mahasiswa. Sudah tentu perasaan bercampur baur, sedih dan gembira hadir dalam diri anda sekalian. Keadaan tersebut memberikan satu kebahagiaan yang selama ini anda impikan semenjak di bangku sekolah dan sekarang anda perlu berasa hebat kerana cita-cita dan matlamat anda untuk berada dan belajar di universiti telah termakbul Tuhan. Sekarang ini sudah seminggu berlalu dengan pelbagai ragam dan karenah rakan-rakan yang baharu dikenali, sudah tentu memberikan anda pengalaman yang baru. Lantaran itu usah terbuai dengan keseronokan tercapainya impian untuk belajar sebaliknya bergerak aktif dan berfikiran proaktif untuk memulakan kehidupan sebagai seorang siswa. Belajar cara hidup di kampus dengan cepat dan pantas bertindak untuk mengejar impian. Bukan satu perkara yang mudah untuk memulakan kehidupan di kampus kerana semuanya perlu bergerak pantas terutamanya untuk mendaftar subjek-subjek di luar jabatan kerana perlu bersaing dengan rakan-rakan seperjuangan yang lain. Selain itu anda juga perlu mencari dewan-dewan kuliah yang belum pernah anda jumpa. Begitu juga dengan bilik-bilik tutorial. Sudah tentu perlbagai perkara yang timbul difikirkan. Perasaan risau, bimbang dan gusar andaikata tidak dapat belajar dengan sebaik mungkin dan tidak boleh mengadaptasikan diri dengan persekitaran dan suasana semasa.

Justeru itu sebagai pelajar junior anda perlulah bersedia dari sudut mental dan fizikal untuk memulakan sesuatu pengalaman yang baru sahaja hadir dalam hidup anda. Usah terlalu stress dengan apa yang baharu dihadapi sebaliknya bersedia untuk belajar daripada para senior. Lantaran itu anda sekali digalakkan untuk menghidupkan amalan 3S iaitu senyum, sapa dan salam. Tujuannya adalah untuk mendapatkan respon yang positif daripada masyarakat kampus. Selain daripada itu dengan senyuman juga dapat memulakan sesuatu perhubungan dengan rakan-rakan yang sebaya mahupun dengan senior-senior.

Tambahan pula kehidupan di kampus adalah tidak sesuai sekiranya mempunyai sifat-sifat individualistik kerana dalam proses pembelajaran memerlukan rakan-rakan untuk sama-sama mencari bahan bacaan, ulangkaji dan juga kertas-kertas tugasan yang diberikan oleh pensyarah. Selain daripada itu bantuan juga amat diperlukan daripada para senior dalam mendapatkan bahan rujukan dan juga

nota-nota pengkuliahan. Justeru itu amalkanlah selalu budaya 3S iaitu senyum, sapa dan salam dalam hidup anda sebaliknya elakkan daripada mempunyai budaya bersifat angkuh, sompong, dengki, tidak boleh melihat kelebihan orang lain dan sebagainya kerana dengan sifat-sifat tersebut akan menyebabkan anda dijauhi rakan-rakan.

Di samping itu juga budaya anda perlu bijak dalam mentadbir urus masa setiap hari. Ini disebabkan setiap semester hanya ada 14 minggu dan dalam tempoh tersebut anda akan diberikan tugas seperti membuat kertas kerja secara individu, berkumpulan dan akan menduduki peperiksaan pertengahan semester, malah mungkin juga kuiz. Oleh yang demikian anda sekalian tidak boleh leka dengan keseronokan bertemu dan mendapat rakan-rakan yang baharu ataupun baharu sahaja merasa diri di luar kongkongan ibu bapa dan keluarga. Mungkin juga ada yang kali pertama memegang wang banyak dan merasa seronok lantas boros dalam berbelanja kepada barang yang tidak diperlukan. Justeru itu, kawal diri anda dan berfikirlah dengan waras dan bijak supaya anda tidak mengalami sebarang masalah kewangan kelak. Hanya dengan cara pengurusan kewangan yang bijak, tidak akan berbelanja kepada barang-barang yang tidak penting dan berfaedah kepada anda. Lantaran itu anda perlu membuat senarai semak terhadap sebarang perbelanjaan harian untuk memudahkan anda mengenalpasti setiap perbelanjaan yang dilakukan. Oleh yang demikian mulakan kehidupan di kampus dengan penuh rasa bertanggungjawab pada diri dan juga universiti supaya anda tidak leka dengan keseronokan hidup di kampus bersama rakan-rakan seperjuangan.

Undang-undang dan sebarang peraturan yang ditetapkan oleh universiti perlu dipatuhi demi menjamin keselamatan diri dan masyarakat kampus secara keseluruhan. Jagalah nama baik universiti seperti mana anda menjaga diri sendiri. Justeru itu bersedia untuk menaikkan nama universiti di persada dunia. Usah gentar dengan cabaran dan dugaan yang hadir sepanjang bergelar pelajar kerana dengan cara tersebut dapat mematangkan anda. Sesungguhnya anda amat bertuah kerana berada di universiti yang amat mementingkan kebajikan para pelajarinya malah tanpa anda universiti tidak dapat berfungsi. Jadi diharap anda sebagai pelajar kampus gunakan segala kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan dengan peruh berhemah dan amalkanlah budaya adab sopan dalam berbicara.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah